Kongres Bahasa Indonesia di Medan

Hari sabtu tanggal 23 Oktober, rombongan pertama dari Malaya yang akan turut dalam Kongres Bahasa Indonesia akan berangkat ke Medan dengan menumpang kapal terbang Garuda Indonesian Airways. Semua penumpang untuk Medan harus sudah berada di Lapangan Terbang Kalang pada jam 2.10 petang. Kerana penumpang-penumpang kapal udara keluar negeri harus satu jam lebih dahulu mereportkan dirinya pada pejabat kapal terbang yang akan ditumpanginya itu guna memudahkan pemeriksaan pegawai kastam dan sebagainya.

Pada hari itu sampai jam 12.30 tengahari saya masih sibuk menggurus segala sesuatu yang belum lagi selesai, sebab keputusan saya untuk berangkat dengan rombongan itu adalah secara tiba-tiba sekali. Kerana saya akan berangkat, maka saudara Ja‘far ‘Abdullāh telah mengajak saya makan. Sekalipun makanan di tempat itu sangat sedapnya, tetapi saya terpaksa terburu-buru kerana mengejar waktu. Setengah jam kemudian barulah saya sampai di rumah. Pakaian yang akan dibawa entah di mana-mana dengan terburu-buru sekali saya menukar baju dan memasukkan pakaian yang terdapat ke dalam bank dan tepat jam 2.10 baru berangkat dari rumah. Saya telah terlambat beberapa minit dan kiranya sayalah orang yang penghabisan pula.

Di lapangan terbang kalang pada waktu itu telah banyak dengan orang-orang, terutama dari kaum keluarga dan sahabat kenalan para utusan- lelaki, perempuan dan anak-anak, bercampur bau dengan penumpang-penumoang lain dan keluarganya pula. Memang ramai sekali hari itu. Kapal terbang yang datang pun banyak pula.

Saya belum tahu lagi siap-siap kawan saya yang akan berangkat. Dalam orang banyak itu kelihatan Tuan Za‘ba, Tuan Mūrshīd dari Konsulat Jeneral Indonesia di Singapura juga Datuk Sijeh. Piglar yang kebetulan datang ke sana untuk menjemput isterinya dari Hong Kong. Waktu berjabat-jabat salam dengan teman-teamn yang saya kenal, seorang teman yang merasa tangan saya sejuk kerana saya tadi terburu-buru datang dan berpeluh, menyangka saya takut untuk naik kapal terbang. Mula-mula saya sangka dia bermain-main, tetapi kiranya dia bersungguh-sungguh benar, sebab dua tiga kali diulang-ulangnya ucapannya itu, yang bagi saya merasa satu kelucuan pula, atas persangkaan yang bukan-bukan sebab bukanlah itu kali yang pertama saya berfikiran dengan menumpang kapal terbang, saya sendiri sudah tidak dapat menghintung lagi entah berapa kali sudah.

Kapal terbang Garuda itu. telah terlambat satu jam aturannya jam 2.10 sudah tiba tetapi hari itu jam 3.10 baru kapal terbang yang konbir itu mendarat. Tetapi masa yang satu jam itu berlalu dengan lekasnya juga kerana sebentar-sebentar tukang gambar mengumpul semua utusan itu untuk “diabadikan”.

Jam 4.00 tepat semua penumpang untuk Medan telah dipanggil dan kami pun mengucapkan selamat tinggal kepada semua yang mengantar, lalu berjalan menuju ke Garuda yang akan menerbangkan kami ke Medan itu,

Rombongan pertama yang berangkat pada hari itu adalah terdiri dari sebelas orangnya. Mereka itu ialah: Ḥārūn Amīn al-Rashīd, Maḥmūd Aḥmad, Muḥammad Asrī, Kamaluddīn (Keris Emas), dan Ḥājjah Zayn. Mereka

ini menjadi utusan. Sedangkan peninjauannya ialah Ramlī ‘Abdul Hādī, Muḥammad ‘Abdullāh, Bakhtiyār Jamīlī, Muḥammad ‘Ārīfīn, A. Ṣamad Isma‘īl dan saya sendiri.
Semua utusan termasuk peninjauan pada waktu berangkat itu kelihatan dalam keadaan yang sangat menyenangkan masing-masing mempunyai tekad yang baik untuk membawa sesuatu ke medan tegasnya ke Indonesia dan waktu kembali kelak akan membawa pula sesuatu yang baik dari sana guna kemajuan dan ketinggian bahasa ibu yang kita kasihi ini.

Utusan-utusan yang berangkat itu bukanlah kerana kepandaiannya, demikian ucapan saudara Muḥammad ‘Ārif Aḥmad yang masih terngiang di dalam telinga saya ketika pada malam tadinya diadakan satu jamuan makan selamat jalan di Islamic Restaurant “tetapi yang kita hargai ialah keberanian untuk ikut serta dalam kongres yang besar itu, untuk ikut menyatakan pendapat kita di Malaya tentang bahasa yang namanya saja berlainan tetapi dalam hakikatnya adalah satu jua”. Ya, kerana keberanian. Saya melihat wajah tiap-tiap orang teman di dalam kapal terbang itu. Kamāl yang sedang duduk dengan Ṣamad tersenyum-senyum. Ḥārūn Amīn al-Rashīd, Maḥmud Aḥmad, Ramlī Hādī, Ibu Zayn dan yang lain-lain juga kelihatannya tidak ada yang mneyusahkan. Mereka pergi ke Indonesia seolah-olah pergi ke salah satu tempat yang sudah pernah berkali-kali mereka kunjungi. Seolah-olah bukan Indonesia, tetapi Malaya. Seolah-olah bukan untuk menghadiri kongres yang besar, melainkan untuk pergi bertemasya, yang hebatnya ialah Bakhtiār Jamīlī, dia duduk sebelah-menyebelah dengan seorang nona Amerika. Dia kadang-kadang gelisah kerana tidak ada teman yang akan dilawannya bercakap. Saya sendiri sebelah-menyebelah dengan pemuda seorang Cina. Dia adalah warganegara Indonesia. Selalu dalam percakapannya dia menyebut Indonesia itu dengan perkataan: “Kembali ke negara sendiri”. kalau dalam menceritakan hal keadaan Indonesia dia selalu mengatakan bahawa “negeri kita masih muda, semuanya dalam eksperimen “percubaan”. Sebab itu tentu ada yang salah tetapi semuanya akan menjadi baik kemudian kelak.”

Kira-kira satu jam setengah lebih sedikit, kami mulai mendengar siaran yang dipancarkan dari kapal udara itu, seolah-olah siaran radio yang kita dengar detiap hari; “di sini Garuda Indonesian Airways, penerbangan sekian-sekian dan sekarang kita berada di atas Kota Tebing Tinggi, penerbangan kita tinggi sekian dan kecapaian sekian batu dalam satu jam”.

Siaran ini dilakukan dalam tiga bahasa, dimulai dari Bahasa Indonesia kemudian Belanda dan kemudian Inggeris.
Dan kawan-kawan semuanya pun pada bangun belaka menjenguk keluar melalui kaca jendela. Nun jauh di bawah kelihatan atap rumah bertampuk-tampuk, hitam daun nipah dan menrah genting bercampur dengan putih zink di celah-celah rimbunan daun yang hijau. Sungai-sungai kelihatan berbelit-belit laksana ular-ular besar.

Tepat dua jam terbang kapal udara itu pun mulai menjunam ke bawah.semua penumpanbg pada duduk di tempatnya masing-masing dan memasang ikat pinggang pada kerusi kapal terbang yang itu. Roda kapal Garuda itu telah mencecah lapangan Polonia dan tangan yang melambai-lambai dari bangunan besar di lapangan terbang itu pun mulai kelihatan dari Bangunan jendela kecil Garuda itu. tak lama kemudian kami semua telah turun.

Di antara orang banyak itu saya melihat beberapa orang saudara saya yang datang menanti kedatangan saya. Dan kebetulan yang menjadi gurauan hostes pada hari itu ialah Ayda Irwāthī sepupu saya pula.

Di tempat kami duduk menunggu giliran pemeriksaan passport oleh pegawai imegrisen. Muḥammad Asrī telah bertemu dengan keluarganya, demikian juga Bakhtiār Jamīlī telah pula dijemput oleh orang-orang dari surat khabar Waspada.

mereka lebih dahulu keluar. Kami belum lagi bertemu dengan anggota penyambut dari Panitia Kongres. Apa lagi orang-orang yang belum diperiksa oleh pegawai Imigresen belum boleh keluar dan bertemu dengan sesiapa juga. Seorang sub nspektor polis yang saya kenal ada di sana, dia saya minta tolong memberitahu kepada panitia penyambut.

Kerana ada di antara kawan-kawan yang tidak membawa dua keping gambar kecil untuk dilekatkan pada kertu izin pendaratan ditambah pula dengan banyaknya penumpang pada hari itu maka pemeriksaan telah berjalan lambat sekali. Tetapi semua anggota rombongan kami sekali pun lambat keluar dari tempat pemeriksaan itu, tidaklah merasa susah malahnya mendapat perlakuan yang baik sama ada dari pegawai pabian (kastam) mahu pun dari pegawai imigresen sendiri. Kami tiba jam 5.00 waktu Sumatera atau satu jam terlambat dari waktu Malaya dan satu jam setengah kemudian kawan-kawan kami telah habis keluar semuanya. Saya terpaksa berpisah buat sementara. Meskipun diminta untuk tinggal denga sangat awal anggota panitia penyambutan itu, untuk tinggal sekali semuanya di Hotel De Bor.

Saya telah pulang ke rumah keluarga saya. Pertemuan kami sekeluarga setelah berpisah sekian lama itu tentu menimbulkan keterharuan yang amat sangat.

Hari isnin tanggal 25 Oktober pagi-pagi lagi saya telah ke Hotel De Bor. Bakhtiār Jamīlī mengatakan kepada saya bahawa kawan-kawan merasa tidak senang terhadap saya, kerana datang bersama-sama rombongnan tetapi pergi tinggal di luar. Sebenarnya mulai hari itu barulah rasmi semua orang yang datang untuk menghadiri kongres itu dianggap tahu negara. Makan minum dan tempat tidur ditanggung oleh kongres. Ibu Zayn tidak menginap di situ, dia mendapat tempat di Grand Hotel tak berapa jauh dari Hotel De Bor dan tidak berapa jauh pula dari tempat kongres diadakan iaitu di Gudang kesenian Jalan Bali. Itupun satu kali ibu Zayn telah tersesat, ketika pada satu malam dia pulang sendiri. Waktu dia sampai di atas jambatan gantung,m jambatan yang menyemberangi jalan kereta api, dia tidak tahu ke mana harus dituju. Pada hal di depannya itu ialah hotelnya dan dibelakangnya ialah Gedung Kesenian, untung katanya ada seorang yang tolong menunjukkan jalan.

Tengah hari isnin itu tiba pula dengan Malayan Airways, Ghazaālī Yūnus dari Base Konsulat Indonesia di Pinang, Muḥammad Nūr Aḥmad dari Persatuan Guru-guru Melayu Malaya dan Muḥammad Nūr ‘Azam dari Lembaga Pembangunan Bahasa Melayu di Alor Setar. Dalam rombongan mereka turut serta ‘Abdul Raḥman Ḥassan dari Singapura yang dulu tidak sempat turut dalam rombongan kami saya dengan kawan dari Pinang yang tiga orang itu mendapat satu bilik nombor 97. Ṣamad yang tinggal sebilik dengan Kamāl dan Bakhtiār Jamīlī mengajak saya tinggal bersam-sama dengannya, kerana katanya wartawan harus berkumpul di satu tempat. Tetapi biliknya itu terlalu kecil dan saya pun lebih senang tinggal bersama-sama dengan satu “geng” dari utara Malaya, di mana kami dapat bercakap-cakap dalam bahasa Kedah secara bebas. Kata Ghazālī waktu dia baru sampai seorang wartawan telah datang menginterbiunya. “Bagaimana perasaan saudara ketika menjejak bumi Indonesia?” Tanya wartawan itu. “Lapar!” jawab Ghazālī dengan bersungguh-sungguh hati. Wartawan itu terkejut. Pada hal Ghazālī adalah anak Medan.

Dalam hari-hari menjelang kongres itu kawan-kawan banyak yang pergi mengunjungi kawan-kawan Kelantannya da nada mengurus apa-apa yang perlu sama ada untuk dirinya sendiri mau pun yang berhubung dengan kongres itu. sebahagiannya daripada kawan-kawan telah mengunjungi rumah Madung Lubis di mama kepada kawan-kawan itu diberi jamu makan sebagai “menebus dosa” katanya.

(Akan di sambung)